


3. Seorang Buli

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

buli	memberi amaran
memeras	melaporkan
takut	kaunseling

Di sekolah saya, ada seorang **buli** bernama Remy. Setiap hari, dia akan **memeras** duit daripada murid-murid sekolah. Semua murid **takut** padanya.

Pada suatu hari, saya ternampak Remy memeras duit daripada teman baik saya, Amir. Dia **memberi amaran** kepada Amir supaya tidak memberitahu sesiapa tentang perbuatannya itu. Jikalau tidak, Amir akan dipukulnya.

Setelah melihat kejadian itu, saya berlari ke Pejabat Pengetua untuk **melaporkan** perkara itu kepada pengetua sekolah. Pengetua pun keluar mencari Remy. Remy dibawa ke pejabat pengetua dan dimarahi.

Remy terpaksa menghadiri beberapa sesi **kaunseling**. Barulah Remy berhenti memeras duit daripada murid-murid yang lain.